



PANDUAN DAN PERATURAN PEPERIKSAAN CALON PEPERIKSAAN

Unit Peperiksaan dan Penilaian Kursus
PEJABAT PENDAFTAR

(Dikemaskini pada 09 Mei 2019 dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas
Peperiksaan Kali ke 06 (Bil. ke 01/2019).

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	JADUAL PEPERIKSAAN AKHIR	3
3.0	PERATURAN PEPERIKSAAN	4-9
3.1	Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan	
3.2	Kehadiran Semasa Peperiksaan	
3.3	Tatatertib dan Pemakaian	
3.4	Peraturan di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan	
3.5	Pelanggaran Peraturan Peperiksaan Akhir	
4.0	KETIDAKHADIRAN PEPERIKSAAN	9-11
4.1	Permohonan Peperiksaan Khas	
4.2	Pengendalian Peperiksaan Khas	
5.0	PEPERIKSAAN SEMULA	11

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan dan Peraturan Peperiksaan Universiti Selangor (UNISEL) ini disediakan bertujuan untuk memberi makluman kepada calon peperiksaan berkaitan tatacara dalam menghadiri peperiksaan akhir di Unisel.
- 1.2 Panduan dan Peraturan Peperiksaan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Buku Peraturan Akademik Program Asas, Diploma dan Sarjana Muda Unisel, Buku Peraturan Tatatertib Pelajar atau mana-mana pekeliling/peraturan/arahan Universiti.
- 1.3 Panduan dan Peraturan Peperiksaan ini meliputi semua perkara yang melibatkan peraturan, tatatertib dan larangan yang berkaitan dengan urusan peperiksaan yang wajib dipatuhi oleh semua pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

2.0 JADUAL PEPERIKSAAN AKHIR

- 2.1 Jadual peperiksaan akhir dikeluarkan oleh Universiti dan sebarang pindaan tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 2.2 Sekiranya berlaku **pertindihan** kursus dalam Jadual Peperiksaan Akhir Muktamad, pelajar wajib memaklumkan kepada Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat Pengajian dalam tempoh dua (2) minggu sebelum hari pertama peperiksaan bermula.
- 2.3 Pelajar **WAJIB** menyemak jadual peperiksaan akhir sebelum menduduki peperiksaan. Tiada peperiksaan gantian akan dibuat bagi sebarang kecuaiian pelajar.

3.0 PERATURAN PEPERIKSAAN

3.1 Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan

- 3.1.1 Pelajar **wajib mendaftar** kursus berkenaan dan wajib dipapar di dalam Slip Peperiksaan dan mencetak slip peperiksaan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang tidak mencetak slip peperiksaan di dalam tempoh yang ditetapkan boleh mencetak di Bilik Sekretariat Peperiksaan/UPPK dengan caj RM5.00 (tertakluk kepada kelulusan Universiti).
- 3.1.2 Pelajar wajib memenuhi lapan puluh peratus **(80%) kehadiran jam temu** yang ditentukan bagi setiap kursus yang didaftarkan. **Walaupun bagaimanapun mana-mana pelajar yang gagal memenuhi kehadiran 80% dengan sebab-sebab yang diterima oleh fakulti dan pensyarah, pelajar adalah dibenarkan untuk menduduki peperiksaan akhir tersebut.**
- 3.1.3 Sekiranya pelajar tidak memenuhi lapan puluh peratus (80%) kehadiran jam temu kuliah bagi mana-mana kursus dan telah disahkan oleh fakulti, pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir dan akan diberi nilai gred 0.00 (Gred F).
- 3.1.4 Kursus yang berkaitan akan dimaklumkan di dalam Slip Peperiksaan pelajar sebagai **“BARRED FROM EXAMINATION”** atau **“DIHALANG DARIPADA MENDUDUKI PEPERIKSAAN”**.
- 3.1.5 Pelajar wajib membawa **Kad Pelajar** (Kad Matrik) dan **Slip Peperiksaan**.
- 3.1.6 Pelajar boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan oleh Pengawas/Sekreteriat Peperiksaan sekiranya gagal membawa salah satu item tersebut.

- 3.1.7 Pelajar wajib menjelaskan **yuran pengajian** sebelum dibenarkan mencetak Slip Peperiksaan.
- 3.1.8 Pelajar yang mempunyai tunggakan perlu merujuk ke Unit Kewangan Pelajar untuk mendapatkan “*Clearance Slip*” bagi menduduki setiap kursus dan tertakluk kepada kelulusan daripada Unit Kewangan Pelajar.
- 3.1.9 Pelajar wajib melengkapkan ***E-Course Teaching Evaluation (ECTE)*** sebelum dibenarkan mencetak Slip Peperiksaan.
- 3.1.10 Pelajar wajib mematuhi peraturan **Etika Penampilan Pelajar** seperti yang termaktub di dalam Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor.

3.2 Kehadiran Peperiksaan

- 3.2.1 Semua pelajar **wajib** menghadiri peperiksaan akhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.
- 3.2.2 Pelajar yang tidak dapat menghadiri peperiksaan akhir boleh membuat permohonan Peperiksaan Khas seperti yang disebut dalam perkara 4.1 Permohonan Peperiksaan Khas.
- 3.2.3 Pelajar diminta berada di luar dewan/bilik peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 3.2.4 Pelajar dilarang masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan sehingga di arahkan berbuat demikian.
- 3.2.5 Pelajar yang **lewat** lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut.

- 3.2.6 Pelajar yang lewat tetapi **tidak melebihi** tiga puluh (30) minit daripada waktu peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi tidak akan diberi tambahan masa menjawab peperiksaan.
- 3.2.7 Pelajar **tidak dibenarkan meninggalkan dewan/bilik peperiksaan** dalam masa enam puluh (60) minit yang pertama dan tiga puluh (30) minit terakhir sesuatu peperiksaan.

3.3 Tatatertib dan Pemakaian

- 3.3.1 Semua pelajar dikehendaki berpakaian mengikut peraturan **Etika Penampilan Pelajar** yang ditetapkan oleh Universiti.
- 3.3.2 Sekretariat Peperiksaan/Ketua Pengawas/Pengawas Peperiksaan boleh menghalang pelajar yang melanggar etika pemakaian daripada memasuki dewan/bilik peperiksaan.
- 3.3.3 Pelajar adalah dikehendaki mematuhi segala arahan Sekretariat Peperiksaan, Ketua Pengawas dan Pengawas Peperiksaan dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas sesuatu peperiksaan.
- 3.3.4 Calon tidak dibenarkan keluar ke tandas dua (2) jam pertama selepas peperiksaan bermula dan dan tiga puluh (30) minit sebelum peperiksaan berakhir.
- 3.3.5 Pelajar dikehendaki **mengangkat tangan** jika memerlukan perkhidmatan (bantuan) atau hendak keluar ke tandas.
- 3.3.6 Pelajar dikehendaki berada di tempat masing-masing selepas tamat tempoh sesuatu peperiksaan hingga diarah bersurai oleh Ketua Pengawas.

3.4 Peraturan dalam Dewan/Bilik Peperiksaan

3.4.1 Pelajar perlu mematuhi **peraturan di dalam dewan/bilik peperiksaan** seperti berikut :

- i. meletakkan Kad Matrik (Kad Pelajar) dan Slip Peperiksaan di atas penjuru kiri meja atau kerusi (*Flip Chair*);
- ii. mendengar dengan teliti Arahan Am berkaitan peraturan peperiksaan oleh Ketua Pengawas sebaik sahaja pelajar telah memasuki dewan/bilik peperiksaan;
- iii. mematikan telefon bimbit dan meletakkannya di bawah kerusi atau meja peperiksaan. Perbuatan meletak telefon bimbit di dalam poket atau di mana-mana bahagian badan adalah satu kesalahan dan boleh didakwa sebagai perilaku untuk cubaan meniru;
- iv. melengkapkan maklumat di muka hadapan buku jawapan (nombor kad pelajar, kod kursus dan kumpulan yang tepat) dan potong keratan slip kehadiran setelah diarahkan oleh Ketua Pengawas;
- v. tidak membuka kertas soalan peperiksaan yang telah diedarkan sebelum arahan berbuat demikian;
- vi. membaca dengan teliti arahan yang dicetak pada muka hadapan soalan peperiksaan;
- vii. memastikan telah menerima kertas soalan yang betul dan sempurna. Pelajar diminta untuk mengangkat tangan dan memaklumkan Pengawas Peperiksaan sekiranya terdapat masalah dengan kertas soalan tersebut;
- viii. menjawab soalan selepas diarahkan oleh Ketua Pengawas;
- ix. tidak makan, minum dan merokok;
- x. memastikan skrip jawapan disusun, diikat dengan sempurna dan dikutip oleh Pengawas Peperiksaan.

- 3.4.2 Pelajar **tidak dibenarkan membawa masuk** atau membuat perkara berikut sebelum memasuki dewan/bilik peperiksaan :
- i. memakai *smartwatch*,
 - ii. membawa masuk penutup kalkulator;
 - iii. membawa masuk sebarang kertas - kertas tambahan akan diberikan oleh pengawas peperiksaan jika di perlukan;
 - iv. membawa masuk *pencil case* - hanya lutsinar sahaja dibenarkan;
 - v. tulisan pada badan, pakaian atau barangan yang dibawa ke dewan/bilik peperiksaan;
 - vi. membawa masuk nota, atau buku tanpa kebenaran Ketua/Pengawas Peperiksaan;
 - vii. tidak mematikan telefon bimbit.
- 3.4.3 Pelajar yang memohon untuk ke tandas boleh diperiksa oleh Pengawas Peperiksaan (sama jantina) sekiranya diminta untuk **pemeriksaan badan** (*body check*) apabila memasuki tandas. Perbuatan menyorokkan atau **membaca nota di dalam tandas** adalah sebahagian daripada Penyelewengan Akademik (Salah Laku Peperiksaan).
- 3.4.4 Pelajar yang sakit atau mempunyai **masalah kesihatan** semasa peperiksaan perlu memaklumkan Pengawas Peperiksaan.
- 3.4.5 Pelajar tidak boleh melakukan perbuatan yang boleh didakwa atas **Penyelewengan Akademik** (Salah Laku Peperiksaan) berikut semasa peperiksaan :
- i) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh Pemeriksa Peperiksaan ke dalam atau ke luar dari sesuatu peperiksaan; atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan kecuali, seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik

- peperiksaan menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Presiden dan Naib Canselor Unisel;
- ii) menulis, atau menulisnya melalui orang lain apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya atau di atas pakaiannya;
 - iii) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jura cara;
 - iv) menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

3.4.6 Pelajar tidak dibenarkan **membawa keluar kertas jawapan, kertas graf, OMR dan Loose Paper** yang tidak digunakan atau telah diconteng melainkan dengan arahan Ketua Pengawas.

3.4.7 Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar sebarang dokumen atau buku atau peralatan yang dipinjamkan oleh Universiti kepada pelajar untuk tujuan menjawab soalan peperiksaan.

3.5 Pelanggaran Peraturan Peperiksaan Akhir

3.5.1 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana arahan atau peraturan peperiksaan boleh dikenakan Prosedur Tatatertib Pelajar.

3.5.2 Pelajar yang telah dibuktikan meniru, cuba meniru atau memberi tiru akan dikenakan Prosedur Tatatertib dan boleh dijatuhkan hukuman berdasarkan Keputusan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

4.0 KETIDAKHADIRAN PEPERIKSAAN

Semua pelajar wajib menduduki peperiksaan akhir. Pelajar yang tidak hadir akan diberi nilai gred 0.00 (Gred F) tanpa mengambilkira markah kerja kursus.

4.1 Permohonan Peperiksaan Khas

4.1.1 Peperiksaan Khas boleh diadakan dengan kelulusan Universiti untuk pelajar-pelajar dalam situasi berikut :

- i) Pelajar semester akhir yang berada dalam Kedudukan Baik (KB), tetapi gagal dalam satu (1) atau dua (2) kursus pada semester akhir atau mana-mana semester dengan syarat kursus berkenaan telah diambil setiap kali ia ditawarkan; atau
- ii) Pelajar yang gagal menduduki peperiksaan akhir dengan sebab cuti sakit, kematian, atau kecemasan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Akademik Fakulti/Jabatan.

4.1.2 Pelajar yang mempunyai tunggakan yuran **tidak boleh** memohon Peperiksaan Khas.

4.1.3 Pelajar yang **cuai** dalam menyemak jadual peperiksaan akhir juga tidak boleh memohon Peperiksaan Khas.

4.1.4 Pelajar yang memohon Peperiksaan Khas perlu melengkapkan Borang Permohonan Peperiksaan Khas dan dihantar kepada Fakulti/Pusat Pengajian dalam tempoh **empat puluh lapan (48) jam** daripada tarikh sesuatu kursus berjalan.

4.1.5 Setiap permohonan pelajar perlu dilampirkan dengan **dokumen sokongan** seperti Sijil Cuti Sakit (daripada Klinik Kerajaan atau Klinik Panel Sahaja dibenarkan), Sijil Kematian atau dokumen sokongan lain yang berkaitan.

- 4.1.6 Kursus yang telah diluluskan untuk Peperiksaan Khas akan diberi **Gred Sementara Tidak Lengkap (IC)** sehingga markah sebenar diperolehi selepas pelajar menduduki Peperiksaan Khas.

4.2 Pengendalian Peperiksaan Khas

- 4.2.1 Peperiksaan Khas akan dijalankan pada minggu **kedua (2)** kuliah semester berikutnya.
- 4.2.2 Pelajar yang telah diluluskan untuk menduduki Peperiksaan Khas perlu menyemak Jadual Peperiksaan Khas pada minggu pertama kuliah pada semester berikut di Portal Pelajar.
- 4.2.3 Pelajar yang telah diluluskan untuk menduduki Peperiksaan Khas, wajib menduduki Peperiksaan Khas mengikut ketetapan Universiti.
- 4.2.4 Pelajar yang gagal menduduki Peperiksaan Khas akan diberi nilai gred 0.00 (Gred F).
- 4.2.5 Markah Peperiksaan Khas akan diambilkira seperti berikut :
- i) Bagi pelajar semester akhir, markah Peperiksaan Khas sahaja akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan HPNG dengan Gred maksimum C;
 - ii) Bagi pelajar yang tidak hadir disebabkan cuti sakit, kematian dan kecemasan, markah Peperiksaan Khas akan menentukan markah peperiksaan akhir dan markah kerja kursus adalah kekal.
- 4.2.6 Pelajar perlu membayar wang proses sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus untuk menduduki peperiksaan khas tersebut dan perlu dijelaskan **sebelum menduduki peperiksaan.**

- 4.2.7 Pelajar wajib membawa '**Clearance Slip**' yang diperolehi daripada Pejabat Kewangan untuk menduduki peperiksaan.

5.0 PEPERIKSAAN SEMULA

Universiti berhak mengadakan Peperiksaan Semula pada bila-bila masa sekiranya perlu dalam keadaan seperti berikut:-

- i) Berlaku kebocoran soalan peperiksaan akhir;
- ii) Calon tidak dapat menduduki peperiksaan akhir kerana bencana alam;
- iii) Arahan Naib Canselor.